

# Drebar kedua terputus dua

Metro 6/7/12. Ms 8

## Mati digilis lori kontena ketika periksa bas kemalangan

>>Oleh Mohd Jamilul Anbia Md Denin dan Wan Asrudi Wan Hasan

am@hmetro.com.my


**K**AMPAR: Seorang pemandu bas ekspres maut dalam keadaan ngeri kerana selain putus kaki, badannya juga putus dua sehingga ada cebisan daging melekat pada dinding bas akibat digilis lori kontena ketika memeriksa basnya yang merempuh belakang treler rosak di Kilometer 303.5, Lebuhraya Utara Selatan, berhampiran Gua Tempurung, di sini, awal pagi semalam.

Dalam kejadian kira-kira jam 3 pagi itu, mayat pemandu bas kedua Seri Maju Sarata Ekspres, Azizan Hamid Osman, 51, ditemui dalam keadaan menyayat hati dengan satu kakinya putus dan tercampak sejauh beberapa meter daripada bas.

Sebelum kejadian, bas dipandu rakan Azizan yang membawa sembilan penumpang, merempuh belakang lori kontena yang berada di lorong kiri lebuhraya.

Lori berkenaan membawa sarung tangan getah dalam perjalanan ke Pelabuhan Barat, Klang, Selangor.

Perlanggaran itu menyebabkan Azizan turun dari bas melalui pintu kecemasan untuk meninjau kerosakan, tetapi ketika berdiri di belakang bas, tiba-tiba dia dilanggar dan digilis sebuah lori kontena yang cuba mengelak daripada merempuh



bas berkenaan dengan memasuki lorong kecemasan.

Ketua Polis Daerah Kampar, Superintendent Abdul Aziz Salleh berkata, mangsa dipercayai mahu mendapatkan bantuan selepas bas yang membawa penumpang dari Bukit Mertajam, Pulau Pinang ke Kuala Lumpur merempuh belakang treler rosak itu.

"Mangsa mahu memeriksa keadaan bas selain mendapatkan bantuan selepas pemandu pertama bas ekspres berusia 36 tahun, tersepit kaki dan Azizan keluar melalui pintu kecemasan," katanya.

Menurut Aziz, pemandu pertama bas berkenaan hanya cedera ringan di dahi dan kaki.

"Tiga penumpang bas berusia antara 22 hingga 46 tahun cedera ringan dan dirawat sebagai pesakit luar di Hospital Kampar, di sini.

"Pemandu lori kontena dikenali sebagai Jegathish, 57, cedera kaki kanan dan kini dirawat di sebuah hospital swasta di Ipoh," katanya.

Sementara itu, anggota polis trafik turut membantu mengutip cebisan daging dan anggota tubuh mangsa sebelum dihantar ke bilik mayat Hospital Kampar untuk bedah siasat.

Kemalangan itu menyebabkan kedua-dua lorong lebuhraya arah selatan ditutup kepada lalu lintas hampir lima jam berikutan muatan

kontena yang terbalik dan menghalang laluan.

Polis sedang menyasiat kes itu mengikut Seksyen 41(1) Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987.

Sementara itu, Jegathish yang berasal dari Johor berkata, dia tidak sempat mengelak daripada merempuh bas di depannya,

"Sebaik merempuh bas, saya tidak tahu apa yang berlaku kerana hanya sedar apabila sudah berada di hospital," katanya.

Sementara itu, usaha wartawan mendapatkan ulasan waris keluarga Azizan di Hospital Kampar gagal berikutan ahli keluarga terlalu sedih dengan kejadian.



REMUK...bahagian depan bas ekspres rosak teruk selepas merempuh treler rosak di kiri jalan.

PUTUS DUA...badan dan kepala lori kontena terpisah selepas merempuh bas dalam nahas ngeri, semalam.